

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN SEMASA-i MURABAHAH KOMODITI

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") termasuk apa-apa penambahan, perubahan, pindaan dan/atau semakan semula yang Bank tentukan dari semasa ke semasa, menetapkan terma dan syarat yang mengawal akaun perbankan Pelanggan dengan Bank. Dengan membuka dan menggunakan akaun atau perkhidmatan perbankan yang berkaitan dengannya, Pelanggan bersetuju dan menerima Terma dan Syarat ini.

Bahagian A: Takrifan dan Susunan Kata-kata

1. Dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan pernyataan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut:-

"Amaun Keuntungan Sebenar" bermaksud amaun keuntungan yang layak diterima oleh Pelanggan selepas Perdagangan Komoditi disempurnakan.

"ATM" bermaksud Mesin Teler Automatik.

"Bank" bermaksud Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan hendaklah apabila konteksnya membenarkan, termasuk pengganti dan penerima serah haknya.

"BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia, sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan termasuk apa-apa entiti yang membawa peranan Bank Pusat Malaysia.

"Perjanjian Ahli Kad" bermaksud Perjanjian Ahli Kad Kad Debit PB RCB Elite dan Gold/PB Visa/MasterCard/Unionpay Lifestyle termasuk apa-apa perubahan, pindaan dan/atau pengubahsuaian yang dibuat dari semasa ke semasa.

"Komoditi" bermaksud komoditi yang mematuhi prinsip Syariah atas "dasar sebagaimana adanya" yang mungkin termasuk produk minyak sawit, produk berasaskan pertanian (termasuk tetapi tidak terhad pada minyak kelapa mentah dan biji koko) dan apa-apa komoditi atau aset lain yang boleh diterima oleh Bank.

"Perdagangan Komoditi" bermaksud Urus niaga Pembelian dan Urus niaga Penjualan yang dibuat menurut prinsip Syariah Tawarruq.

"Kadar Keuntungan Terkontrak" atau "CPR" bermaksud kadar yang digunakan untuk mengira jumlah keuntungan bagi Harga Jualan.

"CRM" bermaksud Mesin Kitar Semula Tunai.

"CRS" bermaksud Standard Pelaporan Biasa.

"Akaun Semasa-i" bermaksud akaun semasa-i murabahah komoditi yang Pelanggan buka dan senggara dengan Bank pada masa ini atau akan datang, sama ada secara bersendirian atau bersesama.

"Tarikh Semasa" bermaksud tarikh urus niaga.

"Pelanggan" bermaksud individu atau apa-apa entiti seperti perbadanan, pertubuhan, perkongsian, persatuan dan badan korporat yang Akaun Semasa-i dibuka dan disenggara dengan Bank atas namanya, dan hendaklah, apabila konteksnya membenarkan, termasuk waris, wakil peribadi, pengganti serah hak dan penerima serah hak yang dibenarkan bagi Pelanggan masing-masing.

"Kadar Keuntungan Efektif" atau "EPR" bermaksud varians dalam kadar keuntungan sebenar yang akan diperolehi dan dikreditkan dalam Akaun Semasa-i.

"Baki Akhir Hari" bermaksud baki kredit akhir hari dalam Akaun Semasa-i.

"e-Penyata" bermaksud penyata elektronik yang boleh didapati melalui PBe.

"FATCA" bermaksud bermaksud Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing dan termasuk semua undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya dan pindaan dan/atau enakmen semula undang-undang tersebut yang mungkin dibuat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

"APK" bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan termasuk semua undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya dan pindaan dan/atau enakmen semula undang-undang tersebut yang mungkin dibuat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

"Hamish jiddiyah" bermaksud deposit sekuriti yang diletakkan sebagai jaminan bagi aku janji untuk membeli aset sebelum pelaksanaan kontrak jual beli. Bank akan meletakkan deposit sekuriti sebagai jaminan bagi aku janji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.

"Ibra" bermaksud rebat yang mewakili "pengecualian bagi hak untuk menuntut" yang diberi oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang perlu dilaksanakan olehnya.

"APKI" bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuk semua undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya dan pindaan dan/atau enakmen semula undang-undang tersebut yang mungkin dibuat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

"LHDNM" bermaksud Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

"Tarikh Matang" bermaksud 31 Disember tahun berkenaan apabila Urus niaga Jualan dilaksanakan.

“Murabahah” bermaksud kontrak berasaskan Syariah yang melibatkan urus niaga pembelian dan jualan suatu komoditi/aset tertentu bagi tujuan pembiayaan yang mana kos dan margin keuntungan (tokok harga) dinyatakan, didedahkan dan dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.

“Tambahkan Bersih” bermaksud apa-apa tambahan deposit pada Baki Akhir Hari dalam sehari.

“PBe” bermaksud perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih Bank.

“Kumpulan PBB” bermaksud syarikat induk, cawangan, agensi, wakil, pegawai, sekutu, ahli gabungan, persatuan atau perbadanan Bank yang berkaitan termasuk subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen mereka yang berkenaan.

“Perkhidmatan PBe” bermaksud apa-apa perkhidmatan yang Bank sediakan kepada Pelanggan melalui PBe.

“PIDM” bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

“Keuntungan yang Dikreditkan” bermaksud akruan keuntungan harian yang dikira atas Baki Akhir Hari harian berdasarkan EPR dari Hari Perdagangan hingga Tarikh Pengkreditan Keuntungan.

“Tarikh Keuntungan Dikreditkan” bermaksud hari terakhir setiap bulan apabila keuntungan didepositkan dalam Akaun Semasa-i sebagai sebahagian daripada penyelesaian Harga Jualan.

“Harga Belian” bermaksud amaun yang bersamaan dengan amaun yang didepositkan oleh Pelanggan yang akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Hari Perdagangan.

“RUM” bermaksud Pendaftar Wang Tak Dituntut.

“Harga Jualan” bermaksud jumlah yang boleh dibayar oleh Bank (sebagai pembeli) untuk mendapatkan Komoditi daripada Pelanggan (sebagai penjual) atas dasar Murabahah yang terdiri daripada Harga Belian Komoditi (amaun deposit) dan keuntungan terakru.

“Tawarruq” bermaksud dua (2) kontrak jual beli yang mana yang pertama melibatkan jualan Komoditi oleh penjual kepada pembeli atas dasar tertunda dan jualan berikutnya yang melibatkan jualan Komoditi yang sama kepada pihak ketiga atas dasar tunai dan semerta.

“Terma dan Syarat” bermaksud terma dan syarat ini yang mengawal Akaun Semasa-i termasuk apa-apa penambahan, perubahan, pindaan dan/atau semakan semula seperti yang Bank akan tentukan dari semasa ke semasa.

“Tempoh” bermaksud bilangan hari yang tinggal dari Tarikh Semasa sehingga Tarikh Matang.

“Hari Perdagangan” bermaksud hari apabila Perdagangan Komoditi dilaksanakan.

“Wa’d (Janji)” bermaksud Bank yang bertindak sebagai pembeli Komoditi akan memberi pernyataan komitmen dalam bentuk janji satu pihak (*unilateral*) untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan apabila Urus niaga Pembelian selesai.

“Wakalah (Agensi)” bermaksud hubungan kontrak yang mana Pelanggan memberi mandat kepada Bank dengan atau tanpa mengenakan apa-apa fi sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diberi secara sukarela.

2. Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
3. Perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan begitu juga sebaliknya.
4. Rujukan kepada seseorang termasuk peguam cara, wasi dan pentadbirnya dan Terma dan Syarat ini akan mengikat ke atas orang berkenaan.
5. Rujukan kepada “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan sama yang lain apabila memperkenalkan contoh tidak mengehadkan maksud perkataan yang dijadikan contoh.
6. Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau diperihalkan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia.
7. Tajuk dan tajuk kecil dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan dipertimbangkan dalam susunan kata-kata mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini.
8. Apa-apa rujukan kepada statut, akta, peraturan atau garis panduan (“Undang-undang”) dalam Terma dan Syarat ini hendaklah termasuk undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya, pengubahsuaian, pindaan atau enakmen semula yang mungkin dibuat pada bila-bila masa dari semasa ke semasa. Sekiranya Undang-undang tersebut dimansuhkan dan digantikan dengan Undang-undang lain, rujukan tersebut akan dibuat menurut Undang-undang gantian mulai dari tarikh Undang-undang itu dikuatkuasakan.
9. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih orang atau pihak yang dirujuk dalam pernyataan “Pelanggan”, perjanjian, waad, ketetapan, aku janji dan liabiliti yang dinyatakan akan dibuat oleh dan bagi pihak Pelanggan dalam Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap dan difahami sebagai dibuat oleh atau mengikat ke atas orang atau pihak tersebut secara bersesama dan berasingan.

Bahagian B: Syariah dan Murabahah Komoditi

1. Murabahah Komoditi melalui Pengaturan Tawarruq

- 1.1 Kontrak Syariah yang diterima pakai ialah Murabahah Komoditi (MK) melalui pengaturan Tawarruq yang mana Pelanggan melantik Bank di bawah kontrak Wakalah (Agensi), sebagai ejennya untuk membeli Komoditi seperti yang dikenal pasti oleh Bank dan selepas itu menjual Komoditi itu kepada Bank di bawah kontrak jualan Murabahah secara bayaran tertunda.

- 1.2 Bank sebagai ejen (Wakil) Pelanggan tidak memberi jaminan mengenai kualiti, keadaan, kuantiti dan penjelasan dan tidak mempunyai liabiliti terhadap apa-apa kerugian atau kemerosotan Komoditi. Komoditi dibeli melalui platform mana-mana pedagang Komoditi yang dilantik oleh Bank ("**Pedagang Komoditi**") dan diluluskan sewajarnya oleh Jawatankuasa Syariah Bank yang akan mengurus niaga sebagai aset sandaran untuk memudahkan urus niaga Tawarruq.

2. Pelantikan Bank sebagai Ejen

- 2.1 Pelanggan bersetuju untuk melantik Bank dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai ejen Pelanggan semasa Tempoh tanpa mengenakan apa-apa fi Wakalah (Agensi):-
- 2.1.1 Untuk membuat dan melaksanakan kesemua tindakan pembelian Komoditi daripada Pedagang Komoditi atas dasar tunai dengan sepenuhnya seperti yang boleh dibuat oleh Pelanggan sendiri menurut Terma dan Syarat ini ("**Urus niaga Pembelian**") dan berunding dengan Pedagang Komoditi bagi pihak Pelanggan dan untuk membuat dan melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya;
- 2.1.2 Untuk menjual Komoditi atas dasar bayaran tertunda kepada Bank (sebagai pembeli) pada Harga Jualan ("**Urus niaga Jualan**") dan untuk membuat dan melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya. Bayaran tertunda yang dibuat kepada Bank (sebagai pembeli) hendaklah dibayar seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.5 daripada Bahagian B di bawah.
- 2.2 Setiap urus niaga akan dibuat oleh Bank di bawah nama Pelanggan. Bank akan, dalam melaksanakan obligasi Bank sebagai ejen (Wakil) Pelanggan, bertindak dengan niat baik dan untuk kepentingan Pelanggan. Bank boleh melantik ejen kecil untuk melaksanakan tugas sebagai ejen Pelanggan secara khusus bagi tujuan dalam Fasal 2.1 daripada Bahagian B.
- 2.3 Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa urus niaga, atau mengikut apa-apa arahan Pelanggan, jika pada pendapat Bank dengan membuat urus niaga tersebut atau mengikut arahan sedemikian, Bank atau mana-mana ahli gabungannya akan bercanggah atau melanggar Syariah, apa-apa undang-undang, dasar, peraturan atau pengawalan.
- 2.4 Pelanggan berhak untuk meminta dan menerima penghantaran Komoditi secara fizikal. Sekiranya Pelanggan menggunakan hak sedemikian untuk mengambil penghantaran secara fizikal, semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penghantaran Komoditi secara fizikal hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
- 2.5 Pelanggan akan menanggung rugi Bank dan memastikan Bank ditanggung rugi pada setiap masa terhadap kesemua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang mungkin dibuat atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dialami oleh Bank berikutan Urus niaga Pembelian dan Urus niaga Jualan atau sebagai ejen (Wakil) Pelanggan atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap apa-apa obligasi Pelanggan dalam Terma dan Syarat ini kecuali disebabkan oleh kesilapan, ketertinggalan, salah gambaran, keingkaran atau kecuaiian yang disengajakan oleh Bank. Indemniti ini akan terus diterima pakai walaupun selepas:-
- 2.5.1 Akaun Semasa-i ditutup oleh Pelanggan atau Bank; atau
- 2.5.2 Hubungan jurubank-pelanggan antara Pelanggan dengan Bank tamat,
- dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah indemniti ini tidak akan tertakluk pada apa-apa potongan sama ada secara tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 2.6 Pelantikan Bank sebagai ejen dan pelantikan ejen kecil menurut Fasal 2.1 dan 2.2 daripada Bahagian B, jika ada, akan ditamatkan apabila:-
- 2.6.1 Deposit dikeluarkan sepenuhnya yang mana, Harga Jualan akan dipercepatkan dan Bank akan membayar Harga Jualan belum jelas berkenaan, mengambil kira permohonan rebat (Ibra), jika ada, kepada Pelanggan;
- 2.6.2 Pelanggan meninggal dunia, hilang akal atau bankrap;
- 2.6.3 Bagi syarikat terhad, syarikat, perkongsian, pertubuhan, badan korporat atau persatuan, petisyen penggulungan difail terhadap Pelanggan atau resolusi penggulungan terhadap Pelanggan diluluskan;
- 2.6.4 Pelanggan dan Bank secara bersama bersetuju untuk menamatkan kontrak Wakalah (Agensi);
- 2.6.5 Pelanggan memilih untuk menamatkan kontrak Wakalah (Agensi) disebabkan oleh kesilapan, ketertinggalan, salah gambaran, salah laku yang disengajakan, kecuaiian atau pelanggaran terma kontrak Wakalah (Agensi) berkenaan oleh Bank; atau
- 2.6.6 Bank memilih untuk menamatkan kontrak Wakalah (Agensi) disebabkan oleh kesilapan, ketertinggalan, salah gambaran, kecuaiian, salah laku atau pelanggaran terma kontrak Wakalah (Agensi) tersebut oleh Pelanggan.

3. Urus niaga Murabahah Komoditi

- 3.1 Urus niaga Murabahah Komoditi akan dilaksanakan pada Hari Perdagangan seperti yang berikut:-
- 3.1.1 Pelanggan mengarahkan Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan Urus niaga Pembelian dengan Pedagang Komoditi bagi pembelian Komoditi untuk amaun yang hendak didepositkan semasa Tempoh tersebut.
- 3.1.2 Pelanggan akan membayar Harga Belian kepada Bank dengan segera untuk Urus niaga Pembelian itu.
- 3.1.3 Bank kemudiannya, sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pedagang Komoditi.
- 3.1.4 Selepas itu, Pelanggan boleh menjual (melalui Bank sebagai ejen Pelanggan) dan Bank boleh membeli Komoditi itu pada Harga Jualan dalam Urus niaga Jualan. Bayaran tertunda yang dibuat oleh Bank (sebagai Pembeli) kepada Pelanggan hendaklah seperti dalam Fasal 3.5 daripada Bahagian B di bawah.

- 3.1.5 Bank akan membayar amaun yang didepositkan itu yang bersamaan dengan Harga Belian apabila diminta oleh Pelanggan dengan serta-merta sementara keuntungan terakru bagi Harga Belian (jika berkenaan) akan dikreditkan pada Tarikh Pengkreditan Keuntungan.
- 3.1.6 Di bawah prinsip Wakalah (Agensi), Bank atau ejen kecil Bank, jika ada, hanya akan bertindak sebagai ejen (Wakil) atau ejen kecil Pelanggan bagi tujuan memudahkan Urus niaga Pembelian dan Urus niaga Jualan sahaja dan tidak akan mengambil atau dianggap mengambil apa-apa obligasi tambahan untuk, atau untuk mempunyai hubungan istimewa dengan Pelanggan selain daripada peruntukan khusus yang dibuat dalam Terma dan Syarat ini.
- 3.1.7 Bank sebagai pembeli di bawah prinsip Murabahah dalam Urus niaga Jualan mengaku janji untuk membeli Komoditi pada Harga Jualan daripada Pelanggan sebagai Penjual berdasarkan konsep Wa'd.
- 3.1.8 Bank akan mengekalkan sijil yang berkaitan dengan urus niaga Komoditi dalam jagaan Bank sebagai bukti pindahan hak milik Komoditi dalam Urus niaga Pembelian.
- 3.2 Sekiranya Hari Perdagangan jatuh pada tarikh selepas tarikh Harga Belian didepositkan dengan Bank, Harga Belian akan dianggap sebagai Qard Sampingan (pinjaman) kepada Bank sebelum Urus niaga Pembelian. Dalam hal ini, Pelanggan mengizinkan Bank untuk berurus janji dengan Harga Belian dalam apa-apa cara yang Bank anggap sesuai dan Pelanggan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urus janji oleh Bank.
- 3.3 Bank akan melaksanakan Perdagangan Komoditi berikutnya bagi setiap keadaan yang berikut:-
- 3.3.1 Deposit Tambahan Bersih dalam Tempoh yang berkenaan.
- 3.3.2 Selepas Tarikh Matang, urus niaga Murabahah Komoditi baharu akan dilaksanakan yang mana baki Harga Belian yang terdapat dalam Akaun Semasa-i akan diperbaharui bagi tempoh yang akan matang pada 31 Disember pada tahun kalendar berikutnya.
- 3.3.3 Perdagangan Komoditi akan dibuat setiap hari berdasarkan amaun Tambahan Bersih bagi takat masa tertentu yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.3.4 Apa-apa pengeluaran dana selepas Hari Perdagangan akan dianggap sebagai bayaran dipercepatkan/awal untuk Harga Jualan bagi tempoh dan Ibra' (rebat) akan diterima pakai.
- 3.4 Harga Jualan akan dikira seperti yang berikut:-

$$\text{Harga Jualan} = \text{Harga Belian} + \text{Amaun Keuntungan Siling}$$

- 3.5 Harga Jualan akan dibayar atas dasar tertunda dalam cara yang berikut:-
- 3.5.1 Bahagian pokok (Harga Belian) bagi Harga Jualan boleh ditebus atas permintaan dan sebahagian daripada bahagian pokok akan dipercepatkan apabila pengeluaran sebahagian dana dibuat oleh Pelanggan.
- 3.5.2 Baki bahagian keuntungan (iaitu Keuntungan yang Dikreditkan) bagi Harga Jualan, jika berkenaan, akan dibayar pada Tarikh Pengkreditan Keuntungan. Pelanggan bersetuju untuk memberi rebat (Ibra') bagi perbezaan antara Amaun Keuntungan Siling dengan Keuntungan yang Dikreditkan pada Tarikh Matang. Kadar keuntungan Akaun Semasa-i akan tertakluk pada Kadar Keuntungan Efektif semasa bagi produk atau kempen berkenaan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan semasa Akaun Semasa-i dibuka dan akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 3.6 Fi brokeraj/perdagangan untuk membeli dan menjual Komoditi akan ditanggung oleh Bank.

4. Pengiraan Keuntungan/Pembayaran Keuntungan

- 4.1 Pengiraan Amaun Keuntungan Siling dan Keuntungan yang Dikreditkan adalah seperti yang berikut:-

Amaun Keuntungan Siling

$$\text{Amaun Keuntungan Siling} = \text{Harga Belian} \times \text{CPR} (\%) \times \frac{\text{Baki Hari}}{365 \text{ or } 366}$$

Keuntungan yang Dikreditkan

$$\text{Keuntungan yang Dikreditkan} = \text{Baki Akhir Hari} \times \text{EPR} (\%) \times \frac{\text{Bil. Hari}}{365 \text{ or } 366}$$

- 4.2 Keuntungan yang Dikreditkan dalam Akaun Semasa-i Pelanggan akan menjadi sebahagian daripada penyelesaian Harga Jualan.
- 4.3 Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa amaun boleh bayar kepada Pelanggan yang ditentukan oleh Bank di bawah Akaun Semasa-i, kecuali kesilapan yang jelas, adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Pelanggan.
- 4.4 Sekiranya terdapat amaun deposit tambahan bersih dalam Akaun Semasa-i pada Hari Pengkreditan Keuntungan, Bank akan memberi kepada Pelanggan hamish jiddiyah (deposit sekuriti).
- 4.5 Deposit sekuriti itu akan dikreditkan dalam Akaun Semasa-i pada Hari Pengkreditan Keuntungan.
- 4.6 Deposit sekuriti itu diberi oleh Bank sebagai jaminan oleh Bank kepada Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan pada Hari Perdagangan yang berkenaan.

4.7 Deposit sekuriti dikira berdasarkan formula yang berikut:-

$$\text{Deposit Sekuriti} = \text{Amaun Tambahan} \times \text{EPR} \times \frac{1}{365 \text{ or } 366}$$

4.8 Deposit sekuriti itu hendaklah tidak digunakan oleh Pelanggan.

4.9 Selepas Perdagangan Komoditi selesai, deposit sekuriti itu akan diimbangkan berbanding dengan Amaun Keuntungan Sebenar.

4.10 Deposit sekuriti akan dipulangkan kepada Bank sekiranya Urus niaga Pembelian tidak dibuat. Namun, Bank boleh mengecualikan haknya ke atas deposit sekuriti itu di bawah keadaan tertentu seperti penutupan Akaun Semasa-i sebelum Perdagangan Komoditi.

5. Ibra' (Rebat)

5.1 Tanpa mengambil kira formula bagi keuntungan yang dinyatakan dalam Fasal 4.1 daripada Bahagian B di atas, Pelanggan bersetuju untuk memberi Ibra' (rebat) mengikut keadaan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

5.2 Pelanggan mengizinkan pemberian Ibra' (rebat) kepada Bank apabila berlaku keadaan tertentu termasuk tetapi tidak terhad pada:-

5.2.1 Pengeluaran dana atau deposit dalam Akaun Semasa-i sebelum Tarikh Matang.

5.2.2 Apabila Akaun Semasa-i ditamatkan atau ditutup sebelum Tarikh Matang.

5.2.3 Perbezaan antara Amaun Keuntungan Siling dengan Keuntungan yang Dikreditkan pada Tarikh Matang.

5.3 Pengiraan Ibra' adalah seperti yang berikut:-

$$\text{Ibra' (Rebat)} = \text{Amaun Keuntungan Siling Agregat} - \text{Keuntungan Agregat yang Dikreditkan}$$

6. Prinsip Syariah

6.1 Pengendalian Akaun Semasa-i hendaklah tertakluk pada jenis Pelanggan (misalnya perniagaan atau pekerjaan) tidak bercanggah dengan prinsip dan amalan Syariah seperti yang ditentukan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank. Bank berhak untuk menutup Akaun Semasa-i sekiranya jenis Pelanggan (misalnya perniagaan atau pekerjaan) melibatkan aktiviti tidak patuh Syariah.

Bahagian C: Terma dan Syarat Am

1. Pembukaan Akaun

1.1 Bank dibenarkan untuk membuka Akaun Semasa-i di bawah nama Pelanggan dan Pelanggan akan memberi butiran yang diperlukan untuk membuka Akaun Semasa-i dan mengakui bahawa semua maklumat adalah betul. Pelanggan mengakui janji untuk memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan pada butiran peribadi Pelanggan.

1.2 Pelanggan perlu menyediakan untuk Bank semua dokumen/borang, seperti yang ditentukan oleh Bank, berserta contoh tandatangan Pelanggan untuk dilihat/disahkan oleh pegawai Bank yang dibenarkan.

2. Deposit dan Pengeluaran

2.1 Bank boleh menentukan dan mengubah deposit minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun Semasa-i, amaun minimum untuk didepositkan, amaun minimum untuk dikeluarkan pada satu-satu masa dan baki minimum yang akan dikekalkan dalam Akaun Semasa-i pada setiap masa.

Pencadang yang merupakan orang/firma/syarikat yang bereputasi baik yang boleh diterima dan diketahui oleh Bank diperlukan. Pencadang itu mesti hadir di Bank semasa akaun dibuka dan mesti melengkapkan bahagian "Butiran Pencadang" dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank.

2.2 Pengeluaran boleh dibuat oleh Pelanggan itu sendiri atau oleh 'Ejen Pelanggan yang Diberi Kuasa dengan Sewajarnya' seperti yang berikut:-

2.2.1 Bagi penunaian cek, apabila cek dikemukakan dan pengenalan peribadi yang dapat diterima oleh Bank dikemukakan; atau

2.2.2 Bagi tujuan pengeluaran tunai menggunakan slip pengeluaran, dengan melengkapkan slip pengeluaran dan mengemukakan pengenalan peribadi yang dapat diterima oleh Bank.

2.3 Pengeluaran tunai menggunakan slip pengeluaran hanya diterima pakai untuk Akaun Individu Peribadi, Akaun Bersama dan Akaun Keempunyaan Tunggal selaras dengan kaedah pengendalian yang dinyatakan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank.

2.4 Pelanggan boleh membuat pengeluaran daripada Akaun Semasa-i sehingga had yang Bank akan umumkan atau semak dan tertakluk pada baki yang ada di dalam Akaun Semasa-i.

2.5 Bank mungkin tidak membenarkan pengeluaran dibuat daripada Akaun Semasa-i sekiranya:-

2.5.1 Bank tidak menerima bukti yang memuaskan berhubung dengan identiti; atau

2.5.2 Sekiranya dana tidak mencukupi dalam Akaun Semasa-i; atau

2.5.3 Sekiranya undang-undang, mahkamah atau pihak penguatkuasaan melarang pengeluaran dana daripada Akaun Semasa-i berkenaan.

2.6 Walaupun perolehan daripada apa-apa cek atau instrumen boleh niaga lain yang didepositkan dalam akaun ditunjukkan sebagai kredit serta-merta, perolehan daripada instrumen berkenaan hanya digunakan apabila perolehan tersebut dibayar oleh bank pembayar dan dikreditkan dalam Akaun Semasa-i. Sekiranya instrumen itu ditolak atau terdapat pertikaian atau apa-apa tuntutan yang merugikan terhadap instrumen tersebut, Pelanggan secara peribadi akan dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikannya dan Bank boleh mendebitkan akaun tersebut bagi amaun barang yang dipulangkan dan untuk apa-apa caj yang ditanggung.

2.7 Bank akan menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang selepas itu didepositkan dalam Akaun Semasa-i dan Pelanggan mengizinkan Bank untuk menguruskan sepenuhnya atau sebahagian wang berbaki kredit dalam akaun Pelanggan dengan cara yang Bank akan tentukan.

3. Mata Wang untuk Akaun Semasa-i

3.1 Akaun Semasa-i hendaklah disenggara dalam Ringgit Malaysia dan semua cek yang dikeluarkan hendaklah dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia.

4. Liabiliti

4.1 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak Pelanggan atau atas permohonan Pelanggan, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik Pelanggan yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank boleh menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga tersebut yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak untuk menolak cek-cek Pelanggan sehingga liabiliti itu diselesaikan.

4.2 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh BNM menurut arahan BNM dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan PBB dan institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang *bona fide*.

4.3 Sekiranya Bank melantik atau bertanggungjawab melantik peguam cara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Terma dan Syarat ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan Akaun Semasa-i, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengan penguatkuasaan hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini dan Akaun Semasa-i dan Bank mempunyai hak untuk mendebit Akaun Semasa-i tersebut dengan semua kos, fi dan caj berkenaan.

4.4 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank sepenuhnya pada setiap masa dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan atau Bank dengan mana-mana atau kesemua akaun perbankan, atau berikutan daripada pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank Pelanggan atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.

4.5 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang Pelanggan alami oleh sebab Bank mematuhi atau tidak mematuhi arahan bayaran yang dikeluarkan oleh Pelanggan yang tidak lengkap atau tidak jelas atau sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian atau disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, pengubahsuaian dan/atau pemalsuan berikutan kecuaihan Pelanggan, permusuhan, terputusnya bekalan elektrik atau bekalan kuasa atau telekomunikasi atau sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan, atau kerosakan mesin atau peralatan.

4.6 Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh pihak Pelanggan atau wakil yang dibenarkan oleh Pelanggan, merupakan bayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada Pelanggan dan mana-mana pihak lain yang berkenaan.

4.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaihan atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kos, kerugian, caj dan/atau ganti rugi yang Pelanggan tanggung atau alami berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.

5. Perubahan Peraturan

5.1 Bank boleh mengubah, meminda atau menyemak semula apa-apa Terma dan Syarat dalam ini termasuk tetapi tidak terhad pada ciri-ciri dan manfaat Akaun Semasa-i dengan memberi Pelanggan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar.

5.2 Semua perubahan akan disiarkan melalui laman web Bank atau kaedah lain seperti yang Bank anggap sesuai mengikut budi bicaranya. Apa-apa penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian akan berkuat kuasa dari tarikh notis itu diberi.

5.3 Sekiranya Pelanggan terus menyenggara dan mengendalikan Akaun Semasa-i, Pelanggan dianggap telah menerima penambahan, perubahan, pindaan, semakan semula atau pengubahsuaian terhadap Terma dan Syarat ini.

6. Perubahan Rekod

6.1 Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam rekod yang disenggara oleh Bank seperti perubahan penandatanganan yang dibenarkan, pertukaran rakan kongsi (bagi akaun perkongsian), perubahan pada memorandum dan tataurusan pertubuhan atau perlembagaan dan pertukaran alamat. Pelanggan hendaklah menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan kepada Bank berkaitan dengan perubahan atau pertukaran berkenaan.

7. Penutupan Akaun Semasa-i

- 7.1 Pelanggan hendaklah mengendalikan Akaun Semasa-i dengan cara yang memuaskan dan menurut Terma dan Syarat ini, jika tidak, Bank boleh menutup Akaun Semasa-i dengan memberi notis selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- 7.2 Tanpa mengambil kira apa pun yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menutup Akaun Semasa-i dengan memberi notis selama empat belas (14) hari kepada Pelanggan dan Bank tidak perlu memberi apa-apa sebab.
- 7.3 Bank boleh mengeluarkan cek jurubank bagi baki dalam Akaun Semasa-i selepas menolak kos pengurusan atau kos lain yang ditanggung oleh Bank. Cek jurubank akan dipos kepada alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank.

8. Penggantungan dan Penamatan Akaun Semasa-i

- 8.1 Bank boleh, dengan memberi notis terlebih dahulu, menggantung atau membekukan Akaun Semasa-i tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- 8.2 Tanpa mengambil kira apa-apa fasal lain dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menutup, menamatkan, menggantung akaun membekukan Akaun Semasa-i dengan serta-merta sekiranya:-
- 8.2.1 Pelanggan mengugut untuk memungkir atau telah memungkir mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - 8.2.2 Pelanggan mengeluarkan tiga (3) atau lebih cek tak laku daripada akaun yang sama dalam tempoh dua belas (12) bulan;
 - 8.2.3 Nama Pelanggan muncul dalam Sistem Maklumat Cek Tak Laku (I-DCHEQS) Bank;
 - 8.2.4 Pelanggan meninggal dunia atau menjadi hilang upaya, tidak waras, tidak solven, bankrap atau berhadapan dengan prosiding guaman;
 - 8.2.5 Petisyen penggulungan telah dikemukakan terhadap Pelanggan atau satu resolusi telah diluluskan untuk penggulungan Pelanggan;
 - 8.2.6 Pelanggan menjadi tak solven atau telah digulung;
 - 8.2.7 Terdapat prosiding guaman atau prosedur lain atau langkah-langkah telah diambil untuk melantik penerima, pengurus undang-undang, pelikudasi, pelidukasi sementara, penerima atau pengurus atau pegawai yang setara terhadap Pelanggan atau terhadap aset Pelanggan;
 - 8.2.8 Terdapat apa-apa prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau pentadbiran yang akan dijalankan, sedang dijalankan atau diancam untuk diambil terhadap Pelanggan;
 - 8.2.9 Pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap Akaun Semasa-i atau Pelanggan;
 - 8.2.10 Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun Semasa-i tersebut digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - 8.2.11 Terdapat siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang akan dijalankan, sedang berjalan atau diancam akan diambil terhadap Pelanggan;
 - 8.2.12 Terdapat laporan yang dibuat terhadap Pelanggan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Kewangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; atau
 - 8.2.13 Apa-apa penyiasatan akan atau sedang dijalankan oleh Bank ke atas Pelanggan, Akaun Semasa-i dan/atau apa-apa urusan niaga berkaitan dengan Akaun Semasa-i.
- 8.3 Bank boleh mengambil semua tindakan yang ia anggap wajar bagi tujuan memenuhi apa-apa obligasi atau keperluan berhubung dengan pencegahan apa-apa aktiviti jenayah termasuk tetapi tidak terhad pada penipuan, perubahan wang haram, aktiviti penganan, rasuah, sogokan atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan.
- 8.4 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang atau pengawalseliaan, apa-apa penutupan, pembekuan, penamatan atau penggantungan Akaun Semasa-i tidak akan melayakkan Pelanggan untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung berikutan penutupan, pembekuan, penamatan atau penggantungan tersebut.

9. Penyata

- 9.1 E-Penyata melalui PBe boleh didapati setiap bulan atau pada kekerapan yang ditetapkan oleh Bank. Pelanggan mesti merupakan pengguna Perkhidmatan PBe yang berdaftar dan telah mendaftar untuk perkhidmatan e-Penyata bagi membolehkan Pelanggan memuat turun penyata akaun dalam bentuk elektronik daripada laman web Bank.
- 9.2 Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk memeriksa dengan teliti catatan dalam e-Penyata dengan segera dan melaporkannya dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat dalam e-Penyata tersebut. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh e-Penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan catatan dalam e-Penyata berkenaan, Pelanggan dianggap telah menerima catatan sedemikian yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam e-Penyata sebagai betul dan konklusif termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa pengeluaran atau debit lain dalam Akaun Semasa-i.

9.3 Pelanggan tidak boleh selepas tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar itu mempertikaikan apa-apa butiran dalam e-Penyata itu tertakluk sentiasa bahawa Bank boleh membalikkan mana-mana butiran kredit yang tersilap dikreditkan dalam Akaun Semasa-i. Sekiranya kebalikan itu menyebabkan mana-mana Akaun Semasa-i menjadi terlebih dikeluarkan, Bank layak untuk mengenakan fi dan caj ke atas amaun yang terlebih dikeluarkan itu pada kadar dan cara seperti yang dinyatakan dalam Fasal 10.3 daripada Bahagian C. Pelanggan seterusnya mengaku janji untuk membayar balik kesemua masukan kredit yang tersilap dikreditkan dalam Akaun Semasa-i dan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang Bank mungkin tanggung disebabkan oleh kegagalan untuk memulangkan balik masukan kredit yang tersilap itu kepada Bank.

10. Akses Sementara Akaun Semasa-i (Terlebih Dikeluarkan)

10.1 Bank boleh, melalui pengaturan khas dengan Pelanggan dan atas budi bicaranya sendiri, membenarkan pengeluaran daripada Akaun Semasa-i yang mungkin membuat Akaun Semasa-i itu menjadi terlebih dikeluarkan. Amaun yang terlebih dikeluarkan itu atau amaun lebih daripada had pengeluaran akan dianggap sebagai pinjaman dan dikawal di bawah kontrak Qard (pinjaman) Syariah.

10.2 Tanpa mengambil kira Fasal 10.1 daripada Bahagian C, sekiranya Akaun Semasa-i terlebih dikeluarkan, Bank berhak untuk mengenakan caj, mengenakan dan dibayar atas permintaan, caj/fi perkhidmatan semasa bagi setiap cek yang diproses dan dibayar oleh Bank.

10.3 Amaun terlebih keluar bersama-sama dengan fi/caj perkhidmatan yang dikenakan hendaklah dibayar pada hari yang sama Akaun Semasa-i menjadi terlebih dikeluarkan. Sekiranya amaun terlebih dikeluarkan itu tidak dibayar sepenuhnya selewat-lewatnya pada akhir hari yang sama Akaun Semasa-i menjadi terlebih dikeluarkan, Bank berhak untuk mengenakan, meminta dan dibayar oleh Pelanggan, caj lewat bayar (ta'widh) pada kadar dan dalam cara yang dinyatakan di bawah:-

$$\text{Amaun Terlebih Dikeluarkan} \times \text{Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM")} \times \frac{\text{Bil. Hari Terlebih Dikeluarkan} - 1}{365 \text{ or } 366 \text{ hari}}$$

10.4 Caj lewat bayar (ta'widh) akan dikira dari tarikh bayaran amaun terlebih dikeluarkan tersebut menjadi lampau tempoh sehingga bayaran penuh bagi amaun terlebih dikeluarkan itu dibuat.

10.5 Caj lewat bayar (ta'widh) dan cara pengiraan tertakluk pada perubahan seperti yang ditentukan oleh BNM dengan memberi notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

11. Hak untuk Mendebit Akaun Semasa-i

11.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun Semasa-i bagi:-

11.1.1 Apa-apa draf, wang pos dan kiriman wang atau apa-apa atau untuk apa-apa caj dan perbelanjaan lain yang dikenakan daripadanya dan apa-apa fi, komisen lain;

11.1.2 Apa-apa caj perkhidmatan, fi penyenggaraan yang boleh dikenakan atau apa-apa fi dan caj munasabah lain yang dikenakan oleh Bank dan diluluskan oleh BNM; dan

11.1.3 Apa-apa cukai yang boleh dikenakan sama ada berkuat kuasa sekarang atau akan dikenakan dan boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan.

11.2 Pelanggan seterusnya bersetuju untuk membayar dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun Semasa-i bagi caj perkhidmatan yang berikut:-

11.2.1 Caj perkhidmatan bagi setiap setengah tahun yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan ke atas semua akaun yang tidak memenuhi keperluan baki purata kredit setengah tahun yang ditetapkan oleh Bank;

11.2.2 Caj perkhidmatan bagi setiap cek yang dikemukakan, tak laku disebabkan ketidakcukupan dana dan/atau dibatalkan;

11.2.3 Caj atas pengeluaran buku cek baru, kad ATM, tambahan/salinan penyata akaun.

Amaun caj dinyatakan pada laman web Bank yang boleh disemak semula atau ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memaklumkan kepada Pelanggan melalui apa-apa cara yang Bank anggap sesuai.

11.3 Apabila Bank menerima notis bahawa dana telah dikreditkan atau dipindahkan dalam Akaun Semasa-i secara silap, salah atau melalui maklumat yang mengelirukan (dana tidak dijangkakan) yang diberikan kepada pembayar dana tidak dijangkakan itu, Bank berhak untuk dengan segera memegang dana tidak dijangkakan itu. Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:-

11.3.1 Pelanggan tidak berhak untuk menggunakan apa-apa dana dalam Akaun Semasa-i yang bukan milik Pelanggan.

11.3.2 Tindakan boleh diambil terhadap Pelanggan jika Pelanggan:-

(a) Menyalah guna dana tidak dijangkakan itu; atau

(b) Terlibat dengan apa-apa urusan niaga penipuan (misalnya akaun keldai).

12. Hak Untuk Menolak Selesai

- 12.1 Pelanggan bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar untuk:-
- 12.1.1 Menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan Pelanggan dengan Bank (apa jenis sekali pun) termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa akaun perbankan yang dipegang secara berse sama dengan orang lain dengan apa-apa liabiliti Pelanggan di bawah mana-mana perjanjian atau kontrak dengan Bank; dan
- 12.1.2 Menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah atau baki kredit yang terdapat dalam akaun perbankan Pelanggan dengan Bank (apa jenis sekali pun) termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa akaun perbankan yang dipegang secara berse sama dengan orang lain untuk membayar apa-apa liabiliti Pelanggan kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah pada masa ini, masa hadapan, sebenar, luar jangkaan, utama atau cagar an atau berasingan atau berse sama.
- 12.2 Apabila notis yang disebut di atas dikeluarkan, Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk menguntukkan atau menahan apa-apa wang baki kredit dalam semua akaun atau mana-mana akaun perbankan Pelanggan dengan Bank sebelum menolak selesai dan Pelanggan tidak berhak untuk mengeluarkan wang tersebut tanpa kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu.
- 12.3 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan pertukaran suatu mata wang ke suatu mata wang yang lain, pertukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan oleh Bank secara muktamad) bagi pembelian mata wang yang mana Pelanggan bertanggungjawab terhadap mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.

13. Cek

- 13.1 Cek yang dikeluarkan dan dikemukakan kepada Bank untuk pungutan mesti mematuhi peraturan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS) BNM.
- 13.2 Bank tidak mengambil kira sama ada terdapat atau tidaknya apa-apa cap/meterai syarikat atau cap/meterai peribadi dan/atau tanda yang serupa pada mana-mana cek dengan pelaksanaan peraturan CTCS itu.
- 13.3 Pelanggan akan memastikan bahawa mandat bagi pengendalian Akaun Semasa-i tidak memerlukan cap/meterai syarikat atau cap/meterai peribadi atau tanda yang serupa pada mana-mana cek yang hendak dikeluarkan atau dikemukakan untuk penjelasan.
- 13.4 Pelanggan bertanggungjawab untuk menyimpan buku cek Pelanggan dengan baik. Sekiranya ada cek yang hilang, dicuri atau tersalah letak, Pelanggan akan dengan serta-merta melaporkannya kepada Bank secara notis bertulis.
- 13.5 Cek tidak boleh dikeluarkan atas nama Bank kecuali dalam bentuk dan kandungan yang dibekalkan oleh Bank dan didaftarkan bagi setiap akaun. Permohonan untuk buku cek hendaklah dibuat dengan menggunakan slip permohonan yang terdapat dalam buku cek. Slip Permohonan itu mestilah ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pelanggan dan bagi melindungi kepentingan Pelanggan, Pelanggan dikehendaki membaca dan mengikut dengan rapi nota peringatan yang tercetak pada bahagian dalam kulit buku cek.
- 13.6 Pelanggan akan memeriksa baki yang ada dalam Akaun Semasa-i sebelum mengeluarkan apa-apa cek bagi mengelakkan cek dipulangkan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi.
- 13.7 Sekiranya Pelanggan mengeluarkan beberapa cek atau memberi beberapa arahan bayaran daripada Akaun Semasa-i dan jumlah agregat cek atau arahan bayaran melebihi baki kredit yang sedia ada atau apa-apa persetujuan yang dibuat terlebih dahulu dengan Bank, Bank berhak, tanpa mengambil kira tarikh yang tertulis pada cek atau tarikh arahan tersebut dibuat, masa penerimaan atau jumlahnya, untuk menentukan mengikut budi bicaranya, cek atau arahan mana yang perlu dibayar atau dilaksanakan.
- 13.8 Pelanggan akan menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa juga liabiliti lain dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin tanggung bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan dan hendaklah diterima dan difahami sebagai telah dipungut atas permohonan nyata Pelanggan dalam setiap kes untuk dikreditkan dalam Akaun Semasa-i.
- 13.9 Cek boleh dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau Bahasa Cina sahaja. Bank mempunyai hak untuk menolak pungutan dan tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan dalam apa juga bahasa lain.

14. Pindaan/Perbezaan Tandatanganan

- 14.1 Bank boleh menolak untuk membayar cek yang tandatangan padanya berbeza daripada contoh yang diberikan kepada Bank.
- 14.2 Pindaan pada cek walaupun disahkan dengan tandatangan penuh Pelanggan adalah tidak dibenarkan dan Bank tidak akan menerima semua cek yang mempunyai pindaan tanpa merujuk seterusnya kepada Pelanggan.
- 14.3 Mesin taip elektrik/elektronik dan dakwat boleh padam tidak boleh digunakan untuk menulis cek. Menurut Seksyen 64 Akta Pertukaran Bil 1949, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian berikutan apa-apa pindaan yang tidak dapat dikesan dengan mudah.

15. Akaun Bersama

- 15.1 Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, Bank dibenarkan untuk membayar baki yang ada dalam kredit Akaun Semasa-i kepada mereka yang masih hidup dan bayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada Akaun Semasa-i.

Pelanggan secara bersejajarnya dan berasingan bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap apa-apa prosiding, tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dibawa terhadap atau dialami atau ditanggung oleh Bank berikutan pengeluaran baki kredit dalam akaun kepada pelanggan yang masih hidup.

- 15.2 Pelanggan bersetuju dengan cara akaun dikendalikan seperti yang ditetapkan dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang ditandatangani oleh Pelanggan. Pelanggan juga bersetuju dan mengakui bahawa mandat yang diberi bagi pengendalian Akaun Semasa-i boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada Pelanggan dan Bank berhak untuk bertindak atas arahan yang sama. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada Akaun Semasa-i tersebut sehingga mandat baharu diterima daripada semua Pelanggan.

- 15.3 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank seperti yang berikut:-

15.3.1 Untuk mengkreditkan dana dalam Akaun Semasa-i bersama, sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan elektronik, cek dan instrumen boleh niaga lain kepunyaan atau yang boleh dibayar kepada salah seorang/mana-mana daripada Pelanggan. Sebagai balasan terhadap perkara di atas dan oleh sebab Bank bersetuju untuk memasukkan kesemua jumlah yang diterima oleh Bank sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan dana elektronik atau daripada cek dan instrumen boleh niaga lain atas nama salah seorang/mana-mana daripada Pelanggan untuk dikreditkan dalam Akaun Semasa-i bersama dan untuk menghantar apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin pegang untuk Akaun Semasa-i bersama kepada salah seorang/mana-mana daripada Pelanggan; dan

15.3.2 Untuk menerima notis bertulis, dalam bentuk yang diterima oleh Bank, ditandatangani dan dikemukakan dengan sewajarnya oleh semua Pelanggan mengenai hasrat Pelanggan untuk menutup Akaun Semasa-i bersama. Sekiranya tidak semua Pelanggan hadir di Bank, Pelanggan bersetuju bahawa Bank hendaklah menutup Akaun Semasa-i bersama itu selepas menerima notis bertulis yang diserahkan sendiri kepada Bank oleh salah seorang daripada Pelanggan. Selanjutnya, Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada Pelanggan kepada Bank untuk menutup Akaun Semasa-i bersama itu, yang dinyatakan secara lisan atau menerusi telefon, faksimile atau e-mel internet, tidak diterima oleh Bank.

- 15.4 Pelanggan secara bersejajarnya dan berasingan mengaku janji untuk tidak memudaratkan Bank dan terus menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti yang ditanggung:-

15.4.1 Berikutan daripada kebenaran dan persetujuan di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan untuk apa juga sebab apa-apa tunai, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen boleh niaga lain yang diterima; atau

15.4.2 Disebabkan oleh keengganan Bank untuk bertindak atau bertindak atas arahan Pelanggan untuk menutup Akaun Semasa-i bersama dan membayar baki dalam Akaun Semasa-i bersama tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh Pelanggan.

16. Akaun Luar

- 16.1 Suatu akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu orang, firma, institusi atau syarikat yang bukannya pemastautin).
- 16.2 Orang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk membuka akaun pemastautin.
- 16.3 Kesemua cek yang dikeluarkan untuk kegunaan Pelanggan luar hendaklah ditanda "Akaun Luar" dan "Wilayah pemastautin tetap pemegang Akaun Luar" tersebut dengan jelas.
- 16.4 Sumber dan kegunaan dana dalam akaun luar tertakluk pada peraturan yang dikenakan di bawah APKI dan Notis Dasar Pertukaran Mata Wang Asing seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

17. Akaun Perkongsian Liabiliti Terhad ("LLP")

- 17.1 Pelanggan:-

17.1.1 Mengesahkan bahawa penandatanganan dibenarkan untuk mengendalikan Akaun LLP bukan orang yang muflihs dan mereka juga tidak dilarang daripada mengambil bahagian dalam pengurusan LLP;

17.1.2 Bersetuju bahawa Pelanggan akan dengan segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis:-

(a) Sekiranya terdapat pertukaran rakan kongsi bagi LLP dan/atau apa-apa pertukaran penandatanganan dibenarkan bagi pengendalian Akaun LLP; dan

(b) Sekiranya mana-mana rakan kongsi muflihs atau selepas ini menjadi muflihs, dan dalam keadaan sedemikian, Pelanggan akan mengemukakan kepada Bank:-

(i) Notis berkaitan yang diserahkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia berhubung dengan penamatan seorang rakan kongsi atau kemasukan rakan kongsi baharu; dan/atau

(ii) Resolusi baharu memaklumkan mengenai penandatanganan dibenarkan terkini bagi Akaun LLP itu, jika berkenaan;

- 17.1.3 Mengesahkan bahawa sekiranya penandatanganan dibenarkan bagi Akaun LLP mufliis/menjadi mufliis, Bank dibenarkan untuk tidak menerima cek yang ditandatangani oleh rakan penandatanganan dibenarkan itu sebagai laku dan Bank juga berhak untuk memulangkan cek tersebut dengan menulis perkataan "Pengesahan Penyuruh Bayar Diperlukan". Dalam situasi berkenaan, LLP tersebut hendaklah memberi kepada Bank Resolusi baharu yang disahkan; dan
- 17.1.4 Bersetuju untuk menanggung rugi dan tidak akan menjejaskan Bank daripada apa-apa tuntutan yang dibuat oleh sesiapa pun atau kerugian yang ditanggung oleh Bank oleh sebab Bank bergantung kepada representasi dalam Fasal 17.1.1 daripada Bahagian C, bergantung sepenuhnya atas semua maklumat, representasi dan dokumen yang diberi kepada Bank, termasuk resolusi yang dikemukakan oleh LLP bagi pembukaan dan pengendalian LLP, Bank menerima cek yang dikeluarkan daripada akaun LLP yang ditandatangani oleh penandatanganan LLP yang dibenarkan menurut resolusi terbaharu yang ada dalam rekod Bank dan/atau sekiranya cek yang dikeluarkan daripada LLP tidak diterima sebagai laku dan dipulangkan menurut Fasal 17.1.3 daripada Bahagian C.

18. Cap Getah

- 18.1 Cetakan cap getah firma/syarikat/pertubuhan/kelab/persatuan/badan korporat mesti diletakkan pada borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan Akaun Semasa-i.

19. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

- 19.1 Deposit yang disenggara oleh Pelanggan dalam Akaun Semasa-i ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000.00 ("deposit berinsurans") bagi setiap pendeposit.
- 19.2 Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans Pelanggan tidak lagi dilindungi oleh PIDM, jika:-
- 19.2.1 Tujuannya adalah bagi pembelian unit dalam skim unit amanah atau pembukaan akaun simpanan dalam Lembaga Tabung Haji atau pembukaan skim simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN); atau
- 19.2.2 Ia adalah untuk pembelian atau untuk dipindahkan kepada:-
- (a) Akaun deposit yang boleh dibayar di luar Malaysia;
 - (b) Akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan di Labuan atau perniagaan perbankan Islam di Labuan;
 - (c) Akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan pengambil deposit PIDM; atau
 - (d) Akaun bukan deposit (termasuk tanpa pengehadan pada skim unit amanah, akaun perdagangan sekuriti, akaun pelaburan emas tetapi tidak termasuk produk takaful atau insurans).
- 19.3 Akaun Amanah
- 19.3.1 Pelanggan sebagai pemegang amanah Akaun Semasa-i mengakui bahawa Pelanggan perlu menyediakan dan menyerahkan maklumat dan dokumen yang berikut kepada Bank menurut fasal 3(1) Peraturan-peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan untuk Akaun Amanah dan Akaun Bersama) (Pindaan) 2022 ("Peraturan PIDM"):-
- (a) Penyata yang menunjukkan deposit dalam Akaun Semasa-i dipegang secara amanah oleh Pelanggan;
 - (b) Nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport Pelanggan atau mana-mana butiran pengenalan lain yang diterima oleh Bank; dan
 - (c) Butiran benefisiari Akaun Semasa-i.
- 19.3.2 Pelanggan sebagai pemegang amanah Akaun Semasa-i mengakui bahawa sekiranya tujuan Akaun Semasa-i itu adalah untuk apa-apa skim e-wang, Pelanggan menyediakan dan menyerahkan maklumat dan dokumen yang berikut kepada Bank menurut fasal 3(2) Peraturan PIDM:-
- (a) Penyata yang menunjukkan deposit dalam Akaun Semasa-i dipegang secara amanah oleh Pelanggan;
 - (b) Apa-apa dokumen sokongan yang diterima oleh Bank yang menunjukkan bahawa:-
 - (i) Deposit dalam Akaun Semasa-i dipegang secara amanah oleh Pelanggan bagi tujuan skim e-wang; dan
 - (ii) Pengeluar wang elektronik/e-wang adalah pengeluar wang elektronik/e-wang yang diluluskan oleh BNM di bawah Seksyen 11 APK atau Seksyen 11 APKI;
 - (c) Nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport Pelanggan atau apa-apa butiran pengenalan lain yang diterima oleh Bank.

- 19.3.3 Pelanggan mengaku janji bahawa:-
- (a) Pelanggan akan memaklumkan kepada Bank dengan segera sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada maklumat dan/atau dokumen yang diserahkan kepada Bank; dan
 - (b) Sekiranya Bank meminta apa-apa maklumat dan/atau dokumen menurut Peraturan PIDM, Pelanggan perlu menyerahkan maklumat dan/atau dokumen berkenaan kepada Bank dengan segera.
- 19.3.4 Sekiranya Pelanggan gagal mematuhi fasal di atas, Bank berhak menggantung dan/atau menutup Akaun Semasa-i.

20. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

- 20.1 Pelanggan memahami dan mengakui bahawa menurut Seksyen 146 APKI, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai hal-ehwal Pelanggan, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk tetapi tidak terhad pada kedudukan kredit) (secara kolektif dirujuk sebagai "Maklumat Pelanggan") kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya.
- 20.2 Pelanggan mengizinkan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumat Pelanggan kepada mana-mana penjamin (penjamin-penjamin)/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicaranya boleh tentukan atau menganggap wajar untuk membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya.

21. Notis Perlindungan Data dan Keizinan

- 21.1 Pelanggan maklum bahawa notis privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi Pelanggan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya ("**Notis Privasi**") boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan Bank.
- 21.2 Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan telah menerima, membaca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank. Pelanggan bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi tersebut dianggap telah digabungkan secara rujukan dalam Terma dan Syarat ini.
- 21.3 Sekiranya Pelanggan memberi data peribadi mana-mana individu pihak ketiga kepada Bank bagi tujuan membuka atau mengendalikan Akaun Semasa-i, atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan mengakui dan mengesahkan bahawa beliau telah memperoleh keizinan daripada pihak ketiga itu sebelum mendedahkan data peribadi kepada Bank dan telah memberi sesalinan Notis Privasi Bank kepada pihak ketiga yang bersetuju untuk mematuhi.
- 21.4 Pelanggan juga maklum mengenai tujuan Bank untuk memaklumkan kepada Pelanggan mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan syarikat gabungannya.
- 21.5 Pelanggan memahami bahawa:-
- 21.5.1 Pelanggan berhak untuk mendapat akses kepada dan/atau memohon agar pembedahan dibuat terhadap maklumat peribadi Pelanggan yang ada pada Bank; dan
 - 21.5.2 Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi Pelanggan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 21.1 daripada Bahagian C di atas.

Apa-apa permohonan di bawah fasal ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

- 21.6 Pelanggan mengesahkan bahawa Bank dibenarkan untuk:-
- 21.6.1 Mendedahkan kepada, berkongsi dengan atau menerima daripada agensi pelaporan kredit yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 maklumat Pelanggan, rakan kongsi, pengarah dan pemegang sahamnya; atau
 - 21.6.2 Menjalankan carian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - 21.6.3 Membuat pertanyaan dan mendapatkan pengesahan mengenai maklumat Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad pada status kredit rakan kongsi, pengarah dan pemegang saham Pelanggan.

Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak dapat mempertimbangkan permohonan Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini tanpa pengesahan atau kebenaran yang dinyatakan di atas.

22. Akta Wang Tak Dituntut 1965

- 22.1 Pelanggan maklum mengenai peruntukan dalam Akta Wang Tak Dituntut 1965, dalam mana akaun deposit Pelanggan akan dikelaskan sebagai wang tidak dituntut selama tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dikendalikan oleh Pelanggan, dan dengan itu dana dalam Akaun Semasa-i hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

- 22.2 Pelanggan bersetuju untuk pergi sendiri ke cawangan Bank sebelum tamatnya tempoh tujuh (7) tahun yang tersebut di atas untuk membuat urus niaga pengeluaran atau pendepositan bagi mengaktifkan semula Akaun Semasa-i. Sebagai balasan kepada Bank kerana bersetuju dengan permohonan Pelanggan, Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada apa-apa juga liabiliti kerana kelewatan, ketertinggalan atau kesilapan dalam melaksanakan arahan Pelanggan di atas.
- 22.3 Sekiranya Pelanggan gagal untuk mengaktifkan semula Akaun Semasa-i, Pelanggan bersetuju bahawa Bank akan memindahkan dana dalam Akaun Semasa-i kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pelanggan.
23. **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Akta Haram 2001 (AMLATFPUAA)**
- 23.1 Pelanggan bersetuju dan mengesahkan bahawa Pelanggan hendaklah pada setiap masa mengikut dan mematuhi AMLATFPUAA berkenaan dengan semua urus niaga yang dibuat dalam Akaun Semasa-i atau perkara yang berkaitan dengannya secara langsung atau tidak langsung yang mana:-
- 23.1.1 Bank berhak untuk menyimpan semua rekod mengenai urus niaga Pelanggan dan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Pelanggan seperti yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana arahan kerajaan atau pengawal selia bagi tujuan pematuhan pada AMLATFPUAA.
- 23.1.2 Pelanggan mengaku janji untuk menyediakan kepada Bank semua maklumat dan dokumen yang berkaitan apabila diminta bagi tujuan pengenalpastian Pelanggan dan pengesahan sumber dana di bawah prinsip "Kenali Pelanggan Anda".
- 23.1.3 Pelanggan mengesahkan bahawa semua wang yang dibayar/didepositkan dalam Akaun Semasa-i adalah dan diperoleh pada setiap masa daripada sumber yang sah dan bukannya daripada aktiviti yang tidak sah.
24. **Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**
- 24.1 "CRS" ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. CRS menghendaki Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mana LHDNM akan bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dari wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.
- 24.2 "FATCA" ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM atau pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.
- Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada pelanggan yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperoleh semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.
- 24.3 Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat Pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalpastian cukai peribadi, pemilikan syarikat dsb. Pelanggan akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan tersebut.
- 24.4 Dengan ini Pelanggan secara nyata mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian Pelanggan bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad pada Nombor Pengenal Cukai (TIN) Pelanggan kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.
- 24.5 Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa:-
- 24.5.1 Pelanggan akan mematuhi semua kewajipan Pelanggan di bawah Fasal 24.3 dan 24.4 daripada Bahagian C;
- 24.5.2 Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan dalam borang dan dokumen yang dilengkapkan dan/atau diberi kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan
- 24.5.3 Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan Pelanggan kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.
- 24.6 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod Pelanggan dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, berhak untuk melaksanakan yang berikut:-
- 24.6.1 Menutup Akaun Semasa-i dengan Bank dan apa-apa akaun yang Pelanggan ada dengan Kumpulan PBB;

- 24.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan, kepada Pelanggan; dan
 - 24.6.3 Memberi maklumat Akaun Semasa-i Pelanggan kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana-mana yang berkenaan.
- 24.7 Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan Pelanggan di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu. Pelanggan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai kepada Pelanggan mengenai perkara tersebut.

25. **Force Majeure**

- 25.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajibannya di bawah terma dan syarat ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:-
- 25.1.1 Apa-apa peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;
 - 25.1.2 Apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, bencana alam, ketentuan Tuhan, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
 - 25.1.3 Apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
 - 25.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangkaan yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini,

Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang Pelanggan mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

26. **Undang-undang yang Mengawal**

- 26.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 26.2 Pelanggan bersetuju untuk mengecualikan apa-apa bantahan atas sebab kesesuaian tempat, bidang kuasa atau sebab yang sama.

27. **Mengikat Pengganti**

- 27.1 Terma dan Syarat dalam ini hendaklah mengikat ke atas waris, wakil peribadi, pengganti dari segi hak milik Pelanggan dan ke atas pengganti dan penerima serah hak Bank.

28. **Kad Debit PB Lifestyle (Pemohon Individu Atau Pemilik Tunggal Sahaja)**

- 28.1 Bank berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan Pelanggan untuk Kad Debit PB Lifestyle tanpa memberi apa-apa sebab.
- 28.2 Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan lengkap dan membenarkan Bank untuk mengesahkan daripada apa-apa sahaja sumber yang difikirkan sesuai oleh Bank termasuk LHDNM dan seterusnya untuk cuba memperoleh dan mendapatkan maklumat kredit berkaitan dengan permohonan Pelanggan daripada mana-mana sumber dan dengan apa jua cara seperti yang Bank tentukan. Pelanggan mengakui bahawa Kad Debit PB Lifestyle tersebut hanya boleh digunakan tertakluk pada Terma dan Syarat Perjanjian Ahli Kad.
- 28.3 Pelanggan bersetuju bahawa terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad hendaklah dianggap telah digabungkan dalam Terma dan Syarat ini. Pelanggan bersetuju untuk membayar fi tahunan semasa apabila kad diluluskan yang mana Bank berhak untuk mendebit Akaun Semasa-i untuk fi berkenaan dan akan menerima liabiliti bersesama dan berasingan bagi semua caj pada Akaun (Akaun-akaun) Kad Debit PB Lifestyle dengan Bank.
- 28.4 Sekiranya Pelanggan menutup Akaun Semasa-i atau berlakunya apa-apa perubahan dalam Akaun Semasa-i, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera dan memulangkan dengan segera Kad Debit PB Lifestyle kepada cawangan Bank yang mengeluarkan kad untuk pembatalan atau penamatan serta-merta dan selepas itu Perjanjian Ahli Kad akan ditamatkan.
- 28.5 Sekiranya Pelanggan gagal untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan bagi cara pengendalian Akaun Semasa-i, Pelanggan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan. Pelanggan mengaku janji bahawa Pelanggan akan, pada setiap masa, menanggung rugi Bank (pemegang hak milik dan penerima serah haknya) sepenuhnya dan terus menanggung rugi Bank bagi kesemua liabiliti berkaitan dengannya dan terhadap semua tindakan, saman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, ganti rugi dan apa juga perbelanjaan lain yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Bank atau yang ditanggung oleh Bank berikutan daripadanya.

29. **Pemberitahuan Mengenai Penggunaan Kad Debit PB Lifestyle**

- 29.1 Pelanggan bersetuju bahawa apabila Pelanggan menggunakan Kad Debit PB Lifestyle di rangkaian perniagaan runcit, sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah pembelian yang terkumpul akan dipegang daripada Akaun Semasa-i Pelanggan sehingga urusan niaga tersebut dijelaskan oleh Bank.
- 29.2 Pelanggan akan memastikan baki yang ada dalam Akaun Semasa-i Pelanggan mencukupi untuk menampung pembelian yang hendak dibuat dengan menggunakan Kad Debit PB Lifestyle Pelanggan.

- 29.3 Had pembelian runcit harian yang ditetapkan ialah RM5,000.00 setiap kad setiap hari. Bagaimanapun, Pelanggan dibenarkan untuk mengubah had pembelian runcit dari RM0.00 hingga RM10,000.00 (dalam gandaan RM1,000.00) melalui mana-mana Mesin Teler Automatik (ATM) atau Mesin Kitar Semula Wang (CRM) Bank.
- 29.4 Had pengeluaran tunai harian ATM dan CRM akan ditentukan oleh Bank. Bagaimanapun, Pelanggan dibenarkan untuk menetapkan had pengeluaran dari RM0.00 hingga RM10,000.00 (dalam gandaan RM1,000.00) melalui mana-mana ATM atau CRM Bank.
- 29.5 Sebelum membuat apa-apa urusan niaga pengeluaran wang tunai melalui ATM di luar negara, Pelanggan akan memastikan bahawa pengaktifan kad dilaksanakan melalui ATM atau CRM Bank. Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui 03-2179 5000/603-2176 8111 (atau nombor telefon yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa).
- 29.6 Urus niaga "Tanpa Kad" dan "Urus niaga Runcit Luar Negara" ditakbolehkan (Pilih Keluar) secara automatik bagi Kad Debit PB Lifestyle. Bagaimanapun, Pelanggan dibenarkan untuk membolehkan (Pilih Masuk) atau kemudiannya mentakbolehkan (Pilih Keluar) urusan niaga ini melalui PBe atau mana-mana ATM atau CRM Bank.
- 29.7 Had terkumpul urusan niaga tanpa PIN dan tanpa sentuh yang ditetapkan bagi Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit ialah RM500.00 setiap kad. Bagaimanapun, Pelanggan dibenarkan untuk mengubah had terkumpul tanpa sentuh bagi Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit tersebut dari RM0.00 hingga RM1,000.00 (dalam gandaan RM10.00) melalui mana-mana ATM atau CRM Public Bank Berhad atau Bank. Pelanggan dikehendaki membuat urusan niaga dengan memasukkan PIN untuk menetapkan semula had terkumpul tersebut apabila Pelanggan telah mencapai had terkumpul tanpa sentuh bagi Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit berkenaan.
- 30. Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank**
- 30.1 Semua Pelanggan individu yang memohon untuk perbankan dalam talian dan mudah alih Public Bank mesti berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 30.2 Pelanggan bersetuju bahawa penggunaan dan akses kepada perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih Public Bank tertakluk pada terma dan syarat yang mengawal perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih Public Bank.
- 31. Notis dan Komunikasi**
- 31.1 Pelanggan akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank dianggap sebagai telah dihantar kepada Pelanggan.
- 31.2 Semua notis dan komunikasi kepada Pelanggan akan dihantar secara bertulis dan boleh dihantar kepada Pelanggan melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada Pelanggan melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan Bank dan hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh Pelanggan.
- 31.3 Bank boleh mengenakan levi atau mengubah apa-apa fi dan caj yang diluluskan dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan melalui laman web Bank.
- 32. Perakuan**
- 32.1 Pelanggan dikehendaki menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.
- 33. Dasar Antisogokan dan Antirasuah Bank**
- 33.1 Bank telah mewujudkan Dasar Antisogokan dan Antirasuah ("Dasar ABAC") dengan menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.
- 33.2 Pelanggan hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 33.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan dengan serta-merta sekiranya Pelanggan didapati melanggar Dasar ABAC atau terlibat dengan tindakan sogokan atau amalan rasuah.
- 34. Lain-Lain**
- 34.1 Pelanggan mengakui bahawa sebelum atau semasa pembukaan Akaun Semasa-i, Pelanggan belum:-
- 34.1.1 Mengeluarkan tiga (3) atau lebih cek tak laku daripada akaun yang sama dalam tempoh dua belas (12) bulan; dan/atau
- 34.1.2 Melakukan apa-apa tindakan kebankrapan; dan/atau
- 34.1.3 Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen untuk penggulungan atau ketaksolvenan yang diambil atau dikemukakan terhadap Pelanggan.
- 34.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank, Pelanggan mengesahkan dan mengakui bahawa Pelanggan telah menerima, membaca dan faham sepenuhnya Terma dan Syarat ini, notis mandat (jika ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengannya.

- 34.3 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai bank pemungut bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa-apa pun liabiliti lain dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin alami bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk dipungut. Cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan itu hendaklah diterima dan dianggap sebagai telah diterima pada permintaan nyata Pelanggan dalam setiap kes bagi pengkreditan Akaun Semasa-i.
- 34.4 Pelanggan bersetuju dan mengaku janji:-
- 34.4.1 Untuk melindungi dan tidak mendedahkan identiti akses (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak dikenali selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan
- 34.4.2 Untuk memeriksa semua notifikasi berkenaan urusan niaga tepat pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, penyata Akaun Semasa-i atau instrumen bayaran yang ditentukan secara kerap, untuk mengesan urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan. Sekiranya apa-apa urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan, Pelanggan akan melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen bayaran dengan segera sekiranya urusan niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 34.5 Pelanggan mengaku janji untuk membuat laporan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diceroboh atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank dengan segera (tidak melebihi 24 jam selepas kehilangan peranti keselamatan berkenaan), sebaik sahaja menyedari mengenai pencerobohan atau kehilangan tersebut.
- 34.6 Pelanggan tanpa boleh batal membenarkan Bank untuk menganggap rekod Bank bagi apa-apa urusan niaga yang dibuat melalui Akaun Semasa-i termasuk tetapi tidak terhad pada urusan niaga yang dibuat melalui arahan surat, arahan telefon, internet dan terminal layan diri daripada apa-apa sumber yang kononnya dibuat oleh Pelanggan sebagai bukti urusan niaga yang dibuat dengan betul oleh Pelanggan dan untuk mendebit Akaun Semasa-i untuk bayaran bagi urusan niaga berkenaan tanpa mengambil kira urusan niaga itu mungkin tidak dibenarkan oleh Pelanggan dan seterusnya tanpa mengambil kira kebenaran atau rekod untuk mendebit akaun seperti yang disebut di atas mungkin tidak mengandungi tandatangan Pelanggan.
- 34.7 Sekiranya permohonan untuk membatalkan bayaran cek dipohon oleh orang selain daripada pemegang akaun semasa peribadi, Pelanggan bersetuju bahawa pembatalan bayaran apa-apa cek melalui "Permintaan Pemberhentian Cek" yang dibuat melalui Perkhidmatan PBe atau melalui pemberitahuan secara bertulis kepada Bank, atau yang diterima oleh Bank melalui Borang Arahan Pemberhentian Bayaran Cek yang lengkap, mestilah disempurnakan atau ditandatangani oleh:-
- 34.7.1 Bagi Akaun Semasa-i bersama individu, salah seorang pemegang akaun bersama; atau
- 34.7.2 Bagi Akaun Semasa-i bersama bukan individu, salah seorang penandatangan yang dibenarkan, **dengan syarat** cek tersebut belum dikemukakan untuk bayaran. Pelanggan bersetuju bahawa arahan pembatalan cek tersebut hendaklah mengikat ke atas Pelanggan, mengikut keadaan, walau apa pun kaedah pengendalian atau had kebenaran untuk menandatangani bagi Akaun Semasa-i tersebut.
- 34.8 Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa kaedah arahan yang lain untuk membatalkan bayaran cek yang dibuat secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel tidak diterima oleh Bank. Bagaimanapun, sekiranya atas sebab-sebab tertentu pemegang akaun terpaksa berbuat demikian, Bank boleh atas budi bicaranya menerima arahan melalui kaedah yang digunakan itu mengikat keadaan dengan syarat arahan daripada Pelanggan tersebut mestilah disahkan dengan segera secara bertulis dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Bank. Bank tidak akan dalam apa juga keadaan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan berikutan arahan Pelanggan untuk pembatalan bayaran cek itu yang dibuat secara lisan, menerusi telefon, faksimile atau e-mel di internet.
- 34.9 Pelanggan mengaku janji dan bersetuju untuk menanggung rugi dan tidak mempertanggungjawabkan Bank pada setiap masa daripada dan terhadap semua tindakan, tuntutan, prosiding, kos dan/atau kerugian walau bagaimana sekali pun ia berlaku yang Bank mungkin tanggung atau dipertanggungjawabkan oleh sebab Bank bersetuju dengan arahan pembatalan bayaran yang diberi oleh salah seorang pemegang akaun (bagi Akaun Semasa-i bersama) atau salah seorang penandatangan yang dibenarkan. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan oleh sebab Bank tidak bertindak ke atas arahan pembatalan bayaran cek itu.
- 34.10 Selain daripada undang-undang dan peraturan Bank, Akaun Semasa-i tertakluk pada polisi, peraturan, arahan atau permohonan daripada pihak berkuasa kerajaan atau pengawalseliaan (sama ada yang mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang boleh mengenakan atau mengubah suai apa-apa keperluan berkaitan dengan Akaun Semasa-i yang Bank perlu patuhi. Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan dan hendaklah pada setiap masa mematuhi semua dasar, arahan dan garis panduan BNM, undang-undang Malaysia termasuk tetapi tidak terhad pada APKI, Notis-notis Dasar Pertukaran Mata Wang Asing.
- 34.11 Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan dalam mana-mana undang-undang bertulis, Pelanggan bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen Bank atau mana-mana orang yang Bank berikan akses kepada rekodnya berkaitan dengan Pelanggan dan Penandatangan yang Dibenarkan Pelanggan) untuk mendedahkan hal-ehwal dan/atau akaun perbankan Pelanggan kepada mereka yang berikut:-
- 34.11.1 Mana-mana satu atau lebih daripada satu orang ahli Kumpulan PBB (termasuk ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam cara dan penasihat profesionalnya) bagi tujuan:-
- (a) Pelaporan;
- (b) Untuk melaksanakan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
- (c) Untuk mematuhi dasar, garis panduan, arahan dan kehendak Kumpulan PBB;

- (d) Pelaksanaan korporat;
 - (e) Pembasmian penipuan dan jenayah;
 - (f) Pemungutan hutang;
 - (g) Penyumberan luar fungsi dan/atau operasi Bank;
 - (h) Penyiasatan, pembasmian atau sebaliknya berkaitan dengan perubahan wang haram dan aktiviti jenayah;
 - (i) Penambahbaikan dan melanjutkan pemberian perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana Kumpulan Public Bank kepada Pelanggan;
- 34.11.2 Mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk memelihara dan menguatkuasakan hak Bank dalam Terma dan Syarat ini;
- 34.11.3 Mana-mana orang yang Bank ambil untuk melaksanakan atau berkenaan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberluarkan;
- 34.11.4 Juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional Bank;
- 34.11.5 Polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan siasatan berhubung dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- 34.11.6 Pencetak alatan tulis, pengedar sistem komputer yang Bank gunakan dan kepada mereka yang memasang dan menyelenggaranya, serta pembekal barang atau perkhidmatan lain yang diambil oleh Bank;
- 34.11.7 Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana biro atau agensi atau badan yang didaftarkan dan dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
- 34.11.8 Apa-apa agensi penarafan;
- 34.11.9 Peserta sebenar atau bakal peserta atau separuh peserta berkaitan dengan tanggungjawab Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau penasihat) mana-mana daripada mereka;
- 34.11.10 Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;
- 34.11.11 Mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;
- 34.11.12 Mana-mana pihak yang perlu untuk Bank menjalankan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;
- 34.11.13 Mana-mana orang yang kepadanya Bank atau mana-mana ahli dalam Kumpulan PBB dibenarkan atau yang perlu didedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara; dan
- 34.11.14 Mana-mana penandatanganan yang dibenarkan.
- 34.12 Pelanggan boleh membuat deposit dalam Akaun Semasa-i dengan:-
- 34.12.1 Mengisi dengan lengkap slip masuk wang Bank dengan butiran yang berkaitan dan mengemukakannya di kaunter yang berkenaan bersama-sama dengan tunai/cek/draf/wang pos/kiriman wang yang berkaitan; dan
- 34.12.2 Menunggu teler mengembalikan keratan slip masuk wang. Pelanggan hendaklah memastikan keratan itu mempunyai tandatangan pegawai bank yang Dibenarkan atau disahkan oleh mesin teler Bank. Apa-apa perubahan ketara pada keratan tersebut akan menjadikannya tidak sah kecuali perubahan itu mempunyai tandatangan penuh pegawai bank Yang Dibenarkan; atau
- 34.12.3 Mendeposit cek (cek-cek) atau tunai di terminal layan diri Bank; atau
- 34.12.4 Menunggu mesin mencetak resit deposit cek atau resit deposit tunai sebagai bukti pendepositan. Pelanggan hendaklah mengesahkan butirannya untuk memastikan bahawa cetakan resit deposit cek atau resit deposit tunai adalah betul.
- 34.13 Cek, draf, wang pos dan kiriman wang, dsb. diterima untuk pungutan sahaja dan keratan yang diberi kepada Pelanggan tidak boleh dianggap bahawa deposit dalam Akaun Semasa-i telah dijelaskan. Pelanggan boleh membuat pengeluaran melalui persetujuan khas atau selepas Bank mengkreditkan dalam Akaun Semasa-i sebaik sahaja dokumen-dokumen yang diterima untuk pungutan dijelaskan.
- 34.14 Bank berhak untuk menolak apa-apa bentuk deposit yang diperoleh daripada sumber yang tidak dibenarkan/dilarang (haram) di bawah Undang- undang Syariah.
- 34.15 Kelulusan untuk apa-apa baki terlebih dikeluarkan adalah atas budi bicara Bank. Fi khas akan dikenakan berdasarkan urus niaga.

- 34.16 Dokumen berikut mungkin dikembalikan melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan Bank atas risiko dan pembiayaan Pelanggan sendiri:-
- 34.16.1 Imej atau makluman cek yang tak laku.
 - 34.16.2 Draf, wang pos dan kiriman wang, dsb. yang tak laku.
- 34.17 Pelanggan hendaklah memastikan nombor akaun, nombor cek dan butiran yang berkenaan adalah betul (misalnya amaun, tarikh, penerima bayaran, dsb.) dinyatakan dalam surat pemberitahuan Pelanggan, Borang Arahan Pemberhentian Bayaran Cek atau dalam "Perkhidmatan Permintaan Pemberhentian Cek PBe".
- 34.18 Fi pentadbiran akan dikenakan dan perlu dibayar terlebih dahulu atau akan didebitkan daripada Akaun Semasa-i untuk setiap cek yang dibatalkan bayarannya. Maklumat mengenai fi pentadbiran boleh didapati dalam laman web Bank.

Bahagian D: Terma dan Syarat Khusus

1. Akaun Semasa-i MK

- 1.1 Akaun Semasa-i MK ini layak untuk Pelanggan individu dan bukan individu.

2. Akaun Semasa-i PLUS MK

- 2.1 Akaun Semasa-i PLUS MK layak untuk individu berumur lapan belas (18) tahun ke atas sahaja.
- 2.2 Tiada Kemudahan Tunai-i akan diberi kepada Pelanggan di bawah Akaun Semasa-i PLUS MK.

3. Akaun Semasa-i PLUS MK Enterprise

- 3.1 Akaun Semasa-i PLUS MK Enterprise ini layak untuk Pelanggan bukan individu misalnya keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, pertubuhan, kelab, persatuan, dsbnya.
- 3.2 Tiada Kemudahan Tunai-i akan diberi kepada Pelanggan di bawah Akaun Semasa-i PLUS MK Enterprise.
- 3.3 Akaun Semasa-i PLUS MK Enterprise, Pelanggan bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Semasa-i PLUS MK Enterprise untuk caj perkhidmatan bulanan seperti yang ditentukan oleh Bank yang akan mengenakan levi bagi semua akaun yang tidak memenuhi keperluan baki kredit purata bulanan Bank.

4. Akaun Semasa-i Basic MK

- 4.1 Akaun Semasa-i Basic MK layak untuk warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas sahaja.
- 4.2 Tiada Kemudahan Tunai-i akan diberi kepada Pelanggan di bawah Akaun Semasa-i Basic MK.

Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]